# SARJANA MUDA TARI / *BACHELOR OF DANCE*

**Sarjana Muda Tari**

Jabatan Tari bermula dengan kewujudan program Sarjana Muda Seni Persembahan (Tari) pada tahun 2005. Program ini bertukar nama kepada Sarjana Muda Tari semasa semakan kurikulum pada tahun 2017. Program ini memfokuskan kepada pengajian teori dan praktikal dimana pelajar akan mengambil kursus berteraskan teori dan praktikal secara seimbang pada setiap semester. Jabatan Tari mempunyai keistimewaan dan keunggulan yang tersendiri dimana program ini bertumpu kepada pelbagai jenis penyelidikan tari selaras dengan matlamat universiti. Jabatan ini berfokuskan pada tiga trek pengkhususan iaitu penulisan tesis berdasarkan kajian lapangan, persembahan, dan koreografi. Jabatan Tari juga terdiri daripada dua cabang persembahan: KESUMA (Kumpulan Kesenian U.M.) dan UMa Dance. KESUMA memberi penekanan kepada tarian tradisional, manakala UMa Dance memberi tumpuan kepada tarian kontemporari. Cabang persembahan, KESUMA dan UMa Dance, telah membuat persembahan secara meluas di Malaysia dan di luar negara. Ini telah menjadi nama dan penanda identiti untuk Jabatan Tari selama hampir dua dekad.

***Bachelor of Dance***

*The Dance Department first emerged through the Bachelor of Performing Arts (Dance) Programme in 2005. The name of this programme was later changed to Bachelor of Dance during the curriculum review in 2017. This programme focuses on theory and practice where students enroll in theoretical and practical courses in a balanced manner every semester. The Dance Department is unique and has emerged as a leading provider of dance studies in the country through its focus on various forms of dance research at par with the university's aspiration. This program focuses on three tracks of specialization: thesis based on fieldwork, performance, and choreography. The department comprises two performing wings: KESUMA (Kumpulan Kesenian U.M.) and UMa Dance. KESUMA focuses on traditional dances, while UMa Dance focuses on contemporary dances. KESUMA and UMa Dance have performed extensively in Malaysia and abroad. These have become the household names and markers of identity for the dance department for almost two decades.*

**STRUKTUR PROGRAM / *PROGRAM STRUCTURE***

**SARJANA MUDA TARI / *BACHELOR OF DANCE***

| **Komponen Kursus**<br>***Course Component*** | **Kredit**<br>***Credits*** |
|---|---|
| Kursus Universiti / *University Course* | 14 |
| Kursus Teras Fakulti / *Faculty Core Course* | 7 |
| Kursus Teras Program / *Programme Core Course* | 83 |
| Kursus Elektif Universiti - SHE / *University Elective Course - SHE* | 8 |
| Kursus Elektif Fakulti / *Faculty Elective Course* | 3 |
| Kursus Elektif Program / Programme Elective Course | 12 |
| **Jumlah Kredit Pengijazahan**<br>***Total Credits for Graduation*** | **127** |

**PELAN PENGAJIAN / *ACADEMIC PLAN***

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kod | Kursus | Kredit | Kod | Kursus | Kredit |
| 1 | Kursus Universiti / *University Course* | GIG1012 / GLT1049 | Falsafah dan Isu Semasa (W) / *Philosophy and Current Issues* Bahasa Melayu Komunikasi (BW) / *Malay Language Communication (BW)* | 2 | GIG1003 | Asas Pembudayaan Keusahawanan / *Basic Entrepreneurship Enculturation* | 2 |
| | | | Ko-Kurikulum / *Co-Curricular 1* | 2 | GLT1018/GLT1021/ GLT1024 | Bahasa Inggeris Komunikasi / Bahasa Asing / *English Language Communication/ Foreign Language* | 2 |
| | | | Ko-Kurikulum / *Co-Curricular 2* | 2 | | | |
| | Kursus Teras Program / *Program Core Course* | RIC1001 | Budaya Tari Dunia / *World Dance Culture* | 3 | RIC1007 | Sejarah Tari / *Dance History* | 3 |
| | | RIC1004 | Notasi Tari I / *Dance Notation I* | 3 | RIC1010 | Notasi Tari II / *Dance Notation II* | 3 |
| | | RIC1005 | Ensembel KESUMA I / *KESUMA Ensemble I* | 1 | RIC1011 | Ensembel KESUMA II / *KESUMA Ensemble II* | 1 |
| | | RIC1006 | Ensembel UMa I / *UMa Ensemble I* | 1 | RIC1012 | Ensembel UMa II / *UMa Ensemble II* | 1 |
| | | RIC1008 | Teknik Tari I / *Dance Technique I* | 3 | RIC1015 | Tari Klasik Melayu II / *Malay Classical Dance II* | 2 |
| | | RIC1013 | Anatomi dan Kecederaan / *Anatomy and Injury* | 3 | RIC1016 | Teknik Tari II / *Dance Technique II* | 3 |

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kod | Kursus | Kredit | Kod | Kursus | Kredit |
| | | RIC1014 | Tari Klasik Melayu I / *Malay Classical Dance I* | 2 | RIC1017 | Komposisi dan Improvisasi / *Composition and Improvisation* | 3 |
| | Kursus Elektif / *Elective Course* | - | - | - | - | - | - |
| | **Jumlah Kredit** | | | **22** | | | **20** |

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kod | Kursus | Kredit | Kod | Kursus | Kredit |
| | Kursus Universiti / *University Course* | - | - | - | GIG1013 | Penghayatan Etika dan Peradaban / *Appreciation of Ethics and Civilization* | 2 |
| | | - | - | - | GLT1018/ GLT1012/ GLT1024 | Bahasa Inggeris Komunikasi / Bahasa Asing / *English Language Communication/ Foreign Language* | 2 |
| | Kursus Teras / *Core Course* | RIX2001 | Teori Seni Persembahan / *Performing Arts Theory* | 3 | RIX2003 | Metodologi Penyelidikan Seni Persembahan / *Research Methodology for Performing Arts* | 4 |
| | | RIC2002 | Tari Rakyat Melayu I / *Malay Folk Dance I* | 2 | RIC2016 | Tari Rakyat Melayu II / *Malay Folk Dance II* | 2 |

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Kod** | **Kursus** | **Kredit** | **Kod** | **Kursus** | **Kredit** |
| | | RIC2003 | Ensembel KESUMA III / *KESUMA Ensemble III* | 1 | RIC2017 | Ensembel KESUMA IV / *KESUMA Ensemble IV* | 1 |
| | | RIC2004 | Ensembel UMa III / *UMa Ensemble III* | 1 | RIC2018 | Ensembel UMa IV / *UMa Ensemble IV* | 1 |
| | | RIC2005 | Pengantar Etnologi Tari / *Introduction to Dance Ethnology* | 3 | RIC2020 | Seminar Etnologi Tari / *Dance Ethnology Seminar* | 3 |
| | | RIC2028 | Koreografi I / *Choreography I* | 3 | RIC2015 | Kritikan Tari / *Dance Criticism* | 3 |
| | | RIC2011 | Balet I / *Ballet I* | 3 | | | |
| | | RIC2010 | Pelaziman untuk Penari / *Dancers Conditioning* | 3 | | | |
| | | RIC2029 | Pendidikan Tari / *Dance Education* | 3 | | | |
| | Kursus Elektif / *Elective Course* | | | | RICxxxx | Elektif Fakulti** / *Faculty Elective* ** | 3 |
| | **Jumlah Kredit** | | | **22** | | | **21** |

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | | Semester Khas | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kod | Kursus | Kredit | Kod | Kursus | Kredit | Kod | Kursus | Kredit |
| 3 | Kursus Universiti / *University Course* | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| | Kursus Teras / *Core Course* | RIC3001 | Projek Tahun Akhir (P) / *Final Year Project (P)* | 4 | RIC3001 | Projek Tahun Akhir (P) / *Final Year Project (P)* | 4 | RIC3009 | Latihan Industri *Industrial Training* | 4 |
| | | RIC3003 | Ensembel KESUMA V / *KESUMA Ensemble V* | 1 | RIC3006 | Ensembel KESUMA VI / *KESUMA Ensemble VI* | 1 | | | |
| | | RIC3007 | Pengurusan Produksi dan Pengurusan Pentas / *Production Management and Stage Management* | 4 | RIC3010 | Tari untuk Kanak-Kanak / *Dance for Children* | 3 | | | |
| | | RIC3008 | Ensembel UMa V / *UMa Ensemble V* | 1 | | | | | | |
| | Kursus Elektif / *Elective Course* | | Elektif Program*/ *Program Elective** | 6 | | Elektif Program*/ *Program Elective** | 3 | | | |
| | | | | | | Elektif Fakulti* / *Faculty Elective** | 3 | | | |
| | | | SHE 1** | 2 | | SHE 3** | 2 | | | |

| Tahun | Komponen | Semester I | | | Semester II | | | Semester Khas | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Kod** | **Kursus** | **Kredit** | **Kod** | **Kursus** | **Kredit** | **Kod** | **Kursus** | **Kredit** |
| | | | SHE 2** | 2 | - | SHE 4** | 2 | | | |
| **Jumlah Kredit** | | | | **20** | | | **18** | | | **4** |
| **Jumlah Kredit Keseluruhan** | | | | **127** | | | | | | |

CATATAN / *Note:*

**** Rujuk Senarai Kursus Elektif Program / Refer to list of programmes elective courses***

******** Semua pelajar perlu mendaftar satu (1) kursus daripada setiap kluster SHE / *All students are required to register one (1) course from each SHE Cluster.*

***Rujuk Senarai Kursus SHE melalui pautan ini https://citra.um.edu.my/doc/SHE/LIST%20SHE%20S1%2C%202025.2026.pdf***

**KURSUS UNIVERSITI / *UNIVERSITI COURSE***

| KOD KURSUS<br><br>*COURSE CODE* | NAMA KURSUS / *COURSE NAME* | JAM KREDIT / *CREDIT HOUR* |
|---|---|---|
| GIG1003 | Asas Pembudayaan Keusahawanan / *Basic Entrepreneurship Enculturation* | 2 |
| GIG1013 | Penghayatan Etika dan Peradaban / *Appreciation of Ethics and Civilization* | 2 |
| GIG1012 | Falsafah dan Isu Semasa / *Philosophy and Current Issues** | 2 |
| GLT1049 | Bahasa Melayu Komunikasi / *Malay Language Communication*** | 2 |
| **KOKURIKULUM / CO-CURRICULAR #** | | |
| GKA1001 | Sangkutan@Industri / *Attach@Industy* | 2 |
| GKI1001 | Penyelidikan Bebas / *Independent Research* | 2 |
| GKK1001 | Khidmat Komuniti / *Community Services* | 2 |
| GKK1002 | Khidmat Masyarakat dan Kesukarelawan/ *Community Services Volunteerism* | 2 |
| GKP1001 | Pembangunan Bakat / *Talent Development* | 2 |
| GKP1002 | Pembangunan Bakat/ *Talent Development* | 2 |
| GKP1003 | Kepimpinan / *Leadership* | 2 |
| GKS1001 | Kesukarelawan / *Volunteerism* | 2 |
| GKU1001 | Keusahawanan / *Entrepreneurship* | 2 |
| GKU1002 | Keusahawanan dan Inovasi / *Entrepreneurship and Innovation* | 2 |

| KURSUS KOMUNIKASI BAHASA INGGERIS / *ENGLISH LANGUAGE COMMUNICATION COURSE* | | |
|---|---|---|
| GLTXXXX | Pelajar dikehendaki melengkapkan kursus berdasarkan kelayakan Kecekapan Bahasa Inggeris mereka (MUET/IELTS/TOEFL), seperti yang dinyatakan dalam *PATH* yang berkenaan di muka surat xx.<br><br>*Students are required to complete the courses based on their English Proficiency qualification (MUET/IELTS/TOFEFL), as stipulated in the respective PATH on page xx* | 4 |

**Catatan / Note:**

*** Wajib bagi pelajar tempatan / *compulsory for local students***

**** Wajib bagi pelajar antarabangsa / *compulsory for international students***

**# Pilih two (2) kursus sahaja / *choose one (1) course only***

**SENARAI KURSUS ELEKTIF / *LIST OF PROGRAMME ELECTIVE COURSE***

| **KOD KURSUS/ *COURSE CODE*** | **NAME KURSUS / COURSE NAME** | **JAM KREDIT/ *CREDIT HOUR*** |
|---|---|---|
| **KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI (SHE) – PEMERKASAAN HOLISTIK PELAJAR (SHE)** ***UNIVERSITI ELECTIVE COURSE – STUDENT HOLISTIC EMPOWERMENT (SHE)*** | | |
| Kluster 1 *Cluster 1* | *Thinking Matters: Mind & Intellect* | 2 |
| Kluster 2 *Cluster 2* | *Emotional, Physical & Spiritual Intelligence: Heart, Body & Soul* | 2 |
| Kluster 3 *Cluster 3* | *Technology/Artificial Intelligence and Data Analytics: I-Techie* | 2 |
| Kluster 4 *Cluster 4* | *Global Issues & Community Sustainability: Making the World a Better Place* | 2 |
| **KURSUS ELEKTIF PROGRAM / *PROGRAMME ELECTIVE COURSE*** | | |
| RIC2009 | Muzik Tari I | 3 |
| RIC2012 | Tari Klasik India - Bharata Natyam | 3 |
| RIC2013 | Teknik Tari IV | 3 |
| RIC2014 | Teknik Jazz I | 3 |
| RIC2021 | Tari Melayu Nusantara | 3 |
| RIC2022 | Tai Chi | 3 |
| RIC2023 | Muzik Tari II | 3 |
| RIC2024 | Teknik Jazz II | 3 |
| RIC2025 | Teknik Tari III | 3 |
| RIC2026 | Balet II | 3 |
| RIC2027 | Silat Tari | 3 |
| RIC3005 | Koreografi II | 3 |

| KURSUS ELEKTIF FAKULTI / *FACULTY ELECTIVE COURSE* | | |
|---|---|---|
| RIA1021 | Kemahiran Kibod | 3 |
| RIA2010 | Artikulasi | 3 |
| RIA2011 | Iringan Piano | 3 |
| RIA2013 | Pengantar Muzik Popular | 3 |
| RIA2014 | Pengantar Muzik Jazz | 3 |
| RIA2015 | Asas Pimpinan | 3 |
| RIA2016 | Pedagogi Piano | 3 |
| RIA2017 | Pedagogi Dan Repertoir Vokal | 3 |
| RIA2018 | Asas Vokal | 3 |
| RIA2019 | Karya Dan Gubahan | 3 |
| RIA2020 | Orkestra | 3 |
| RIA2021 | Taklempong | 3 |
| RIA2022 | Tajuk-Tajuk Dalam Muzik | 3 |
| RIA2023 | Sejarah Muzik Malaysia - Nusantara | 3 |
| RIA2024 | Pengajaran Muzik Di Sekolah | 3 |
| RIA2026 | Apresiasi Muzik | 3 |
| RIA2027 | Pimpinan Muzik Lanjutan | 3 |
| RIA2028 | Analisis Muzik | 3 |
| RIA2029 | Penciptaan Lagu dan Lirik | 3 |
| RIA2030 | Muzik Dan Pergerakan | 3 |
| RIA2031 | Pedagogi Dan Repertoir String | 3 |
| RIA2032 | Repertoir Piano | 3 |
| RIA2034 | Pedagogi Piano | 3 |
| RIA3007 | Muzik Animasi Dan Filem | 3 |

| | | |
|---|---|---|
| RIA3008 | Muzik Tradisional Melayu | 3 |
| RIA3005 | Karya dan Gubahan II | 3 |
| RIB2007 | Tatarias Dan Solekan Khas | 3 |
| RIB2008 | Rekaan Busana Teater | 3 |
| RIB2009 | Tinjauan Teater Asia | 3 |
| RIB2010 | Pengurusan Pentas | 3 |
| RIB2014 | Reka Set dan Prop | 3 |
| RIB2026 | Pengurusan Teater | 3 |
| RIB2028 | Tempur Pentas | 3 |
| RIB2029 | Teknologi dan Rekaan Cahaya | 3 |
| RIB2030 | Teknologi dan Rekaan Bunyi | 3 |
| RIB3007 | Produksi Teater Kanak-Kanak | 4 |
| RIB3009 | Penulisan Skrip Video | 3 |
| RIB3013 | Lakonan Pentas | 3 |
| RIB3014 | Praktik Produksi Video | 4 |
| RIB3019 | Lakonan Suara | 3 |
| RIB3020 | Lakonan untuk Televisyen dan Filem | 3 |
| RIB3021 | Pengarahan Lanjutan | 4 |

# PATH FOR ENGLISH COMMUNICATION PROGRAMME

<table>
<tr><th colspan="4">ENGLISH COMMUNICATION PROGRAMME (UNIVERSITY COURSE)<br>(KURSUS BAHASA INGGERIS KOMUNIKASI- KURSUS UNIVERSITI)<br>LIST OF COURSES TO BE COMPLETED BY ALL STUDENTS (NEW COHORT)</th></tr>
<tr><th>PATH<br>1</th><th>PATH<br>2</th><th>PATH<br>3</th><th>PATH<br>4</th></tr>
<tr>
<td>• MUET Band 2 *(2008-2020)<br>• MUET Band 2 & 2.5 (2021)<br>• IELTS Band 4.0<br>• TOEFL Paper – Based Test (437 – 473)<br>• TOEFL Computer – Based Test (123 – 150)<br>• TOEFL Internet – Based Test (41 – 52)<br>• PTE (Academic) – (10 – 28)</td>
<td>• MUET Band 3 (2008-2020)<br>• MUET Band 3 & 3.5 (2021)<br>• IELTS Band 4.5 – 5.0<br>• TOEFL Paper – Based Test (477 – 510)<br>• TOEFL Computer – Based Test (153 – 180)<br>• TOEFL Internet – Based Test (53 – 64)<br>• PTE (Academic) – (29 - 41)</td>
<td>• MUET Band 4 (2008 – 2020)<br>• MUET Band 4 & 4.5 (2021)<br>• IELTS Band 5.5 – 6.0<br>• TOEFL Paper – Based Test (513 – 547)<br>• TOEFL Computer – Based Test (183 – 210)<br>• TOEFL Internet – Based Test (65-78)<br>• PTE (Academic) – (42 – 57)<br>• FCE (B & C)<br>• GCE A Level (English) (Minimum C)<br>• IGCSE/GCSE (English) (A, B & C)</td>
<td>• MUET Band 5 & Band 6 (2008-2020)<br>• MUET Band 5 & 5+ (2021)<br>• IELTS Band 6.5 – 9.0<br>• TOEFL Paper – Based Test (550 – 677)<br>• TOEFL Computer – Based Test (213 – 300)<br>• TOEFL Internet – Based Test (79 – 120)<br>• PTE (Academic) (58 – 90)<br>• FCE (A)<br>• GCE A Level (English) (B & A)</td>
</tr>
<tr>
<td>Students need to complete 2 courses (2 courses x 2 credits each) from this PATH</td>
<td>Students need to complete 2 courses (2 courses x 2 credits each) from this PATH</td>
<td>Students need to complete 2 courses (2 courses x 2 credits each) from this PATH</td>
<td>Students need to complete 2 courses (2 courses x 2 credits each) from this PATH</td>
</tr>
<tr>
<td><u>COMPULSORY</u><br>• GLT1018 – Proficiency in English I</td>
<td><u>COMPULSORY</u><br>• GLT1021 – Proficiency in English II</td>
<td><u>COMPULSORY</u><br>• GLT1024 – Proficiency in English III</td>
<td rowspan="2">• GLT1027– Advanced Oral Communication*<br>• GLT1028 – Advanced Business Writing*<br><br>*(Students can only register for one course per semester)</td>
</tr>
<tr>
<td>** <u>CHOOSE ONE</u> :<br>• GLT1019 – Let's Speak<br>• GLT1020 – Fundamental Writing</td>
<td>** <u>CHOOSE ONE</u> :<br>• GLT1022 – Speak Up<br>• GLT1023 – Effective Workplace Writing</td>
<td>** <u>CHOOSE ONE</u> :<br>• GLT1025 – Effective Oral Communication<br>• GLT1026 – Writing at the Workplace</td>
</tr>
</table>

*** Kursus ini mempunyai Pra Syarat dan hanya boleh didaftar selepas pelajar LULUS kursus WAJIB mengikut Path yang ditetapkan / These courses have prerequisites and students can only register for them after obtaining a PASS in the compulsory course as stipulated in the respective PATH.*

*Catatan - Pelajar MUET band 5 dan 6 diberi pilihan untuk mengikuti samada kursus Bahasa Inggeris Komunikasi atau kursus bahasa asing / Student with band 5 and 6 of MUET are given the option to take either a English Communication Course or a foreign language course.*

**KURSUS ALTERNATIF UNTUK *PATH* 4**
***ALTERNATIVE COURSES FOR PATH 4***

**SENARAI KURSUS BAHASA ASING – KURSUS UNIVERSITI**
***LIST OF FOREIGN LANGUAGE – UNIVERSITY COURSE***

| **KOD KURSUS / *COURSE CODE*** | **NAMA KURSUS / *COURSE NAME*** | **JAM KREDIT / *CREDIT HOUR*** |
|---|---|---|
| GLT1029 | Bahasa Arab Asas 1 / *Basic Arabic Language 1* | 2 |
| GLT1030 | Bahasa Arab Asas 2 / *Basic Arabic Language 2* | 2 |
| GLT1031 | Bahasa Jepun Asas 1 / *Basic Japanese Language 1* | 2 |
| GLT1032 | Bahasa Jepun Asas 2 / *Basic Japanese Language 2* | 2 |
| GLT1033 | Bahasa Korea Asas 1 / *Basic Korean Language 1* | 2 |
| GLT1034 | Bahasa Korea Asas 2 / *Basic Korean Language 2* | 2 |
| GLT1035 | Bahasa Parsi Asas / *Basic Persian Language* | 2 |
| GLT1036 | Bahasa Portugis Asas 1 / *Basic Portuguese Language 1* | 2 |
| GLT1037 | Bahasa Portugis Asas 2 / *Basic Portuguese Language 2* | 2 |
| GLT1038 | Bahasa Rusia Asas 1 / *Basic Russian Language 1* | 2 |
| GLT1039 | Bahasa Rusia Asas 2 / *Basic Russian Language 2* | 2 |
| GLT1040 | Bahasa Sepanyol Asas 1 / *Basic Spanish Language 1* | 2 |
| GLT1041 | Bahasa Sepanyol Asas 2 / *Basic Spanish Language 2* | 2 |
| GLT1042 | Bahasa Thai Asas 1 / *Basic Thai Language 1* | 2 |
| GLT1043 | Bahasa Thai Asas 2 / *Basic Thai Language 2* | 2 |
| GLT1044 | Bahasa Turki Asas / *Basic Turkish Language* | 2 |
| GLT1045 | Bahasa Filipina Asas 1 / *Basic Filipino Language 1* | 2 |
| GLT1046 | Bahasa Filipina Asas 2 / *Basic Filipino Language 2* | 2 |
| GLT1047 | Bahasa Vietnam Asas 1 / *Basic Vietnamese Language 1* | 2 |
| GLT1048 | Bahasa Vietnam Asas 1 / *Basic Vietnamese Language 1* | 2 |

**MAKLUMAT KURSUS /*COURSE INFORMATION***

| **Kod Kursus/**<br><br>***Course Code*** | **Tajuk Kursus /**<br><br>***Course Name*** | **Bilangan Kredit /** ***Credit Hour*** | **Prasyarat Kursus/**<br><br>***Course Pre-requisite*** | **Sinopsis Kandungan Kursus /** ***Synopsis of Course Content*** | **Kaedah Penilaian (%)**<br><br>***Assessment Method*** |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC1001 | Budaya Tari Dunia / *World Dance Culture* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan pelbagai jenis tarian daripada rantau Asia, Eropah, dan Amerika. Pelajar akan membincangkan tarian tradisi, moden, dan kontemporari dari segi pendekatan sejarah, sosio-budaya, struktur, dan estetika persembahan. Pelbagai pendekatan budaya akan diajar supaya pelajar dapat mengaitkan tarian dengan peranan dan kepentingan.<br><br>*This course introduces different forms of dances from Asian, European, and American regions. Students will discuss traditional, modern and contemporary dance forms from the historical, socio-cultural, structural, and performance aesthetics perspectives. Multi-faceted cultural approaches will be taught so as to enable students to link dances with roles and importances.* | Penilaian Berterusan: 40%; Peperiksaan Akhir: 60%<br><br>*Continuous Assessment: 40%;*<br><br>*Final Examination: 60%* |
| RIC1004 | Notasi Tari I / *Dance Notation I* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan Labanotation tahap pertama yang merangkumi empat elemen pergerakan utama: arah, tahap, masa. Pelajar akan mempelajari cara untuk menganalisis dan mencatat asas gerak tari seperti melangkah, gestur kaki dan tangan, air works, pivot turns, contraction dan extensions. Selain daripada notasi, pelajar juga akan mempelajari cara melakukan gerak tari berdasarkan skor.<br><br>*This course introduces the first level of Labanotation, which covers the four main elements of movement: direction, level, timing, which body part is involved. Students will learn to analyse and notate basic dance movements such as steps, leg and arm gestures, air works, pivot turns, contractions and extensions. Besides notation, students will also learn to perform dance movements based on dance scores.* | Penilaian Berterusan: 40%; Peperiksaan Akhir: 60%<br><br>*Continuous Assessment: 40%;*<br><br>*Final Examination: 60%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC1005 | Ensembel KESUMA I / *KESUMA Ensemble I* | 1 | Tiada / *None* | Dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan Tari Klasik Melayu, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut<br>● Asas masuk panggung<br>● Asas pergerakan tangan dan kaki<br>● Asas pola lantai<br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu.<br>*In the course, students will be introduced to the Malay classical dance, which begin from the basic movements such as:*<br>● *Basic" masuk panggung"*<br>● *Basic hand and leg movement*<br>● *Basic floor pattern*<br>*The assessment will be based on on-going training and mastery of repertoire.* | Penilaian Berterusan: 100%<br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC1006 | Ensembel UMa I / *UMa Ensemble I* | 1 | Tiada / *None* | Ini adalah kursus praktikal di mana pelajar berlatih repertoir UMa Dance. Penilaian akan berdasarkan kepada latihan berterusan dan penguasaan repertoir tersebut. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menggunakan teknik asas tari kontemporari sementara bersedia untuk mempersembahkan koreografi baru yang akan dicipta untuk pementasan UMa Dance Showcase pada tahun semasa.<br>*This is a practical course where students rehearse the repertoire of UMa Dance. The assessment will be based on ongoing training and mastery of the repertoire. In the course, students are required to utilise basic contemporary dance techniques while preparing to perform a new choreography to be created for that year's UMa Dance Showcase.* | Penilaian Berterusan: 100%<br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC1007 | Sejarah Tari / *Dance History* | 3 | Tiada / *None* | Sejarah Tari dilihat dari sudut kronologi dengan menekankan kepada ketokohan, genre, prinsip, teknik tari dan repertoir persembahan dari balet di Eropah (Balet Istana, Balet abad ke-18, Balet Romantik, Balet Rusia, | Penilaian Berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40% |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Balet Amerika Syarikat), tari moden di Amerika Syarikat dan Eropah, tari pasca moden dan tari kontemporari.<br><br>*Dance History is read from the chronological angle, which emphasizes the chronological figures, genres, principles, dance techniques and performance's repertoires from the European ballet (Court Ballet, 18th-century Ballet, Romantic Ballet, Russian Ballet, American Ballet), modern dance in America and Europe, postmodern dance and contemporary dance.* | *Continuous Assessment: 60%*<br>*Final Examination: 40%* |
| RIC1008 | Teknik Tari I / *Dance Technique I* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas tari kontemporari melalui struktur asas pemanasan, floor work, centre work, cross floor dan stretching. Latihan menggabungkan gerak asas seperti berlari, melompat dan berguling, dengan teknik tari moden dan balet bagi memperkayakan keupayaan dan perbendaharaan gerak pelajar.<br><br>*This course introduces the students to the foundation level of contemporary dance through the structure of warming up, floor work, centre work, cross floor and stretching. The training combines basic movements such as running, jumping and rolling with modern dance and ballet techniques to enrich students' movement capacity and vocabulary.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC1010 | Notasi Tari II / *Dance Notation II* | 3 | Lulus RIC1004 Notasi Tari I<br><br>*Passed RIC1004 Dance Notation I* | Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada Laban/Bartenieff Movement Analysis (LMA) sebagai satu sistem teori dan pengalaman untuk pemerhatian, deskripsi, persembahan dan interpretasi pergerakan manusia. Kursus ini merangkumi empat aspek rangka kerja LMA – Body, Effort, Space dan Shape untuk pelajar mendapatkan pemahaman kualitatif mengenai pergerakan.<br><br>*This course introduces students to Laban/Bartenieff Movement Analysis (LMA) as a theoritical and experiential system for the observation, description, performance and interpretation of human movement. The course covers the four aspects of LMA frameworks - Body, Effort, Space and Shape for students to gain qualitative understanding of movements.* | Penilaian Berterusan: 40%<br><br>Peperiksaan Akhir: 60%<br><br>*Continuous Assessment: 40%*<br><br>*Final Examination: 60%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC1011 | Ensembel KESUMA II / *KESUMA Ensemble II* | 1 | Lulus RIC1005 Ensembel KESUMA I<br><br>*Passed RIC1005 KESUMA Ensemble I* | Dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan Tari Klasik Melayu, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut<br>• Asas masuk panggung<br>• Asas pergerakan tangan dan kaki<br>• Asas pola lantai<br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu.<br><br>*In the course, students will be introduced to the Malay classical dance, which begin from the basic movements such as:*<br>*• Basic" masuk panggung"*<br>*• Basic hand and leg movement*<br>*• Basic floor pattern*<br>*The assessment will be based on on-going training and mastery of repertoire.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>Peperiksaan Akhir: -<br><br>*Continuous Assessment: 100%*<br><br>*Final Examination: -* |
| RIC1012 | Ensembel UMa II / UMa Ensemble II | 1 | Lulus RIC1006 Ensembel UMa I<br><br>*Passed RIC1006 UMa Ensemble I* | Ini adalah kursus praktikal di mana pelajar berlatih repertoir UMa Dance. Penilaian akan berdasarkan kepada latihan berterusan dan penguasaan repertoir tersebut. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menggunakan teknik tari tahap asas sederhana tari kontemporari sementara bersedia untuk mempersembahkan koreografi baru yang akan dicipta untuk pementasan UMa Dance Showcase pada tahun semasa.<br><br>*This is a practical course where students rehearse the repertoire of UMa Dance. The assessment will be based on ongoing training and mastery of the repertoire. In the course, students are required to utilise intermediate foundation contemporary dance techniques while preparing to perform a new choreography to be created for that year's UMa Dance Showcase.* | Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -<br><br>*Continuous Assessment: 100%*<br>*Final Examination: -* |
| RIC1013 | Anatomi dan Kecederaan / *Anatomy and Injury* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini mempunyai tiga bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan sistem kerangka anatomi secara teori. Bahagian kedua membincangkan sebab, jenis, formasi dan punca-punca kecederaan. Bahagian terakhir memberi kefahaman tentang cara pencegahan, kaedah rawatan untuk kecederaan, dan kaedah penambahbaikan fizikal yang khusus untuk gaya-gaya tari. | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *The course is presented in three parts. Part One introduces structural anatomy of the human body in theory. Part Two discusses the reasons, types, formations and causes of injuries. Part Three provides understanding of prevention and treatment of injury, and specific physical improvement for dance styles.* | |
| RIC1014 | Tari Klasik Melayu I / *Malay Classical Dance I* | 2 | Tiada / *None* | Pendedahan kepada genre dan repertoire tarian klasik Melayu dilakukan dengan memperkenalkan jenis-jenis genre, sifat dan gaya persembahan, teknik persembahan dan kosa gerak. Genre tari yang menjadi teras pembelajaran ialah Tarian Joget Gamelan. Struktur persembahannya disusun mengikut pola-pola pementasan seperti:<br>● Pergerakan masuk ke balai persembahan.<br>● Duduk sembah dan sembah masuk.<br>● Pergerakan tangan, lengan, duduk simpuh atau duduk sila dalam ragam sembah.<br>● Ragam-ragam gerak induk dan ragam-ragam gerak transisi.<br>● Ragam gerak sembah dan sembah keluar.<br>● Pergerakan keluar balai persembahan.<br><br>*Exposure on various genres and repertoire on classical Malay Dance with introductions to genre, nature and style or performances, presentation technique and movements. The main genre for references is the Joget Gamelan dance. The structure of the performances are arranged according to the staging patterns such as:*<br>● *Entering the performance hall.*<br>● *Obeisance.*<br>● *Movements of the hands, arms, cross-legged and sitting to extend greetings with respect and reverence.*<br>● *Main and transitions in mannerism.*<br>● *Mannerism in movements and obeisance.*<br>● *Exiting the performance hall.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC1015 | Tari Klasik Melayu II *Malay Classical Dance II* | 2 | Lulus RIC1014 Tari Klasik Melayu I / *Passed RIC1014 Malay Classical Dance I* | Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus tari Klasik Melayu I. Pengkhususan diberikan kepada pembelajaran struktur pergerakan, pementasan, dan persembahan pergerakan tari dalam Tarian Klasik Melayu Terinai Perlis. Pada tahap ini pelajar dikehendaki menguasai tari dan | Penilaian Berterusan: 100% |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | gerakan yang menjadi asas utama dalam persembahan Tarian Terinai Mengadap Perlis bersama iringan muzik ensemble Gendang Terinai. Struktur persembahannya disusun mengikut pola-pola latihan seperti:<br><br>● Pergerakan masuk ke balai persembahan.<br>● Duduk sembah dan sembah masuk.<br>● Pergerakan tangan, lengan, duduk sila dalam ragam sembah.<br>● Ragam-ragam gerak induk dan ragam-ragam gerak transisi.<br>● Ragam gerak sembah dan sembah keluar.<br>● Pergerakan keluar balai persembahan.<br><br>*This course is the continuation of the Malay Classical Dance I. Emphasis is given to the study of movement structures, staging, and the performance of the dance movements in Malay classical Terinai Perlis dance. At this point, the students are required to master the dance movements and singing, which is the essential part in Terinai Mengadap Perlis with ensemble Gendang Terinai Music. The structure of the performance is arranged according to the training structures such as:*<br><br>● *Entering the performance hall.*<br>● *Obeisance.*<br>● *Movements of the hands, arms, cross-legged and sitting to extend greetings with respect and reverence.*<br>● *Main and transitions in mannerism.*<br>● *Mannerism in movements and obeisance.*<br>● *Exiting the performance hall.* | *Continuous Assessment: 100%* |
| RIC1016 | Teknik Tari II / *Dance Technique II* | 3 | Lulus RIC1008 Teknik Tari I / *Passed RIC1008 Dance Technique I* | Kursus ini merupakan kesinambungan Teknik Tari I dan lanjutan tari kontemporari ke tahap pertengahan. Ia memberi tumpuan kepada kawalan dan koordinasi tubuh, alignment yang betul dan kesedaran ruang. Pelajar akan menambahbaik teknik tari kontemporari melalui pengukuhan gerak serta persembahan.<br><br>*A continuation of Dance Technique I, this course extends contemporary dance technique to intermediate level. It focuses on body control and coordination, correct alignment and spatial awareness. Students will strengthen* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *their dance technique through movement exercises as well as performance.* | |
| RIC1017 | Komposisi dan Improvisasi / *Composition and Improvisation* | 3 | Tiada / *None* | Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan latihan-latihan dan struktur improvisasi bagi meningkatkan kesedaran tubuh, memperluaskan perbendaharaan gerak individu dan membangunkan kemahiran komposisi. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan asas kemahiran berpasangan. Kursus ini merupakan suatu ruang pembelajaran yang dinamik di mana pelajar akan dipupuk dalam kerja berkumpulan serta memperkuatkan estetika peribadi dan gaya pergerakan tersendiri.<br><br>*In this course, students will engage in exercises and improvisational structures to heighten body awareness, broaden individual movement vocabulary and develop skills in instant composition. The course also introduces basic partnering skills. This is a dynamic class that fosters both the ability to work in ensembles as well as strengthening the individual's personal aesthetics and movement style.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIX2001 | Teori Seni Persembahan / *Performing Arts Theory* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini meneroka teks utama dalam teori seni persembahan yang dipilih dari karya ahli falsafah moden dan kontemporari serta ahli teori.<br><br>Kursus ini membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasi teks-teks utama dalam pelbagai mod persembahan dan lapangan di mana pelajar akan membuat pemerhatian dan mengambil bahagian dalam persembahan seni. Pelajar-pelajar juga dapat memahami bidang inter-disiplin pinjaman dari antropologi, sosiologi, pengajian kebudayaan dan teater.<br><br>*This course explores key texts in performing arts theories selected from works by modern and contemporary philosophers and theorists.*<br><br>*This course enables students to comprehend and apply key texts to various modes of performance and sites where students observe and participate in performing arts. Students also gain insight into interdisciplinary field that* | Penilaian Berterusan: 40%; Peperiksaan Akhir: 60%<br><br>*Continuous Assessment: 40%;*<br><br>*Final Examination: 60%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *borrows from anthropology, sociology, cultural studies and theatre studies* | |
| RIC2002 | Tari Rakyat Melayu I / *Malay Folk Dance I* | 2 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan tari rakyat dalam kesenian tari Melayu yang menjadi asas kepada genre-genre tari Melayu dan dikoreograf untuk tujuan pementasan. Kursus tahap pertama memperkenalkan struktur tari dan gaya persembahan Tari Inang dan Tari Asli.<br><br>*This course introduces Malay folk dances as part of the arts of Malay dance which becomes the basis to the genres of Malay dance and are choreographed for the purpose of staging. The first level of this course introduces the structure and performance style of Tari Inang and Tari Asli.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2003 | Ensembel KESUMA III / *KESUMA Ensemble III* | 1 | Lulus RIC1011 Ensembel KESUMA II / *Passed RIC1011 KESUMA Ensemble II* | Dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan Tari Rakyat Melayu – Tarian Inang, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut:<br>● Asas pergerakan kaki dalam Tari Inang<br>● Asas pergerakan lenggang tangan dan liuk badan dalam Tarian Inang.<br>● Ragam dengan pola lantai Inang.<br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu.<br><br>*In the course, the students will be introduced to the Malay folk dance – Inang, starting from the the basic movements such as:*<br>● *Basic leg movement in the Inang.*<br>● *Basic movement of lenggang tangan and liuk badan in the Inang Dance.*<br>● *Movement motif of Inang and floor pattern.*<br>*The assessment will be based on on-going training and mastery or repertoire.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2004 | Ensembel UMa III / *UMa Ensemble III* | 1 | Lulus RIC1012 Ensembel UMa II / *Passed RIC1012 UMa Ensemble II* | Ini adalah kursus praktikal di mana pelajar berlatih repertoir UMa Dance. Penilaian akan berdasarkan kepada latihan berterusan dan penguasaan repertoir tersebut. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menggunakan teknik tahap pertengahan tari kontemporari sementara bersedia untuk mempersembahkan koreografi baru yang akan | Penilaian Berterusan: 100% |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | dicipta untuk pementasan UMa Dance Showcase pada tahun semasa.<br><br>*This is a practical course where students rehearse the repertoire of UMa Dance. The assessment will be based on ongoing training and mastery of the repertoire. In the course, students are required to utilise intermediate contemporary dance techniques while preparing to perform a new choreography to be created for that year's UMa Dance Showcase.* | *Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2005 | Pengantar Etnologi Tari / *Introduction to Dance Ethnology* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini merupakan pengenalan kepada etnologi/etnografi sebagai satu metod untuk menerangkan dan mendokumenkan budaya tari. Terutamanya, semua etnografi merupakan rentas budaya, yang melibatkan perbandingan proses yang berkaitan dengan fenomena yang biasa dan yang tidak dikenali. Perbandingan kajian yang melibatkan pelbagai rantau di dunia ini akan meluaskan perspektif dalam memahami pelbagai jenis penulisan etnografi dan teknik analisa. Pelajar-pelajar akan menjalankan tugasan kerja lapangan yang minor. Mereka akan belajar cara menyimpan rekod pengalaman kerja lapangan dan informasi yang dibincangkan di dalam kelas.<br><br>*This course is an introduction to ethnography as a method to describe and document dance culture. Importantly, all ethnography is cross-cultural, involving comparative processes to relate familiar and unfamiliar phenomena. Further comparison of scholarly research representing diverse regions of the world may broaden perspectives to the range of ethnographic writing styles and analysis techniques. Students will engage in mini fieldwork assignments. They will keep a notebook to record field experiences and information discussed in the classroom.* | Penilaian Berterusan: 60%; Peperiksaan Akhir: 40%<br><br>*Continuous Assessment: 60%;*<br><br>*Final Examination: 40%* |
| RIC2028 | Koreografi I / *Choreography I* | 3 | Lulus RIC1017 Komposisi dan Improvisasi / *Passed RIC1017 Composition and Improvisation* | Dalam kursus ini pelajar akan mempelajari tentang konsep dan tema koreografi. Pelajar akan mengeksplor konsep dan tema melalui beberapa kaedah, prinsip dan bentuk koreografi. Pelajar akan terlibat dalam aktiviti pemikiran kritis teori dan praktikal yang membawa kepada koreografi original solo dan duet. | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *In this course students will learn the concept and theme of choreography. Students will explore the theme and the concept through various types of choreographic devices, principles and forms. Students will engage in theoretical and practical activities leading to the creation of original choreography for solo and duet work.* | |
| RIC2011 | Balet I / *Ballet I* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini meningkatkan apresiasi terhadap balet sebagai sebuah bentuk tari tradisional Eropah. Kursus ini memberi tumpuan kepada gerak dan postur. Kursus ini juga menekankan pergerakan asas balet dengan pemakaian yang sesuai, gaya dan istilah yang digunakan dalam balet.<br><br>*This course enhances appreciation towards ballet as traditional European dance. It focuses on specific training in movements and postures. This course also emphasises basic ballet movements with appropriate attire, style and terminology used in ballet.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2010 | Pelaziman untuk Penari / *Dancers Conditioning* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini meningkatkan kecergasan fizikal pelajar secara menyeluruh. Ia menggabungkan kuliah dan latihan praktikal dalam pembinaan kekuatan tubuh, kelenturan dan ketahanan kardiovaskular. Pelajar akan terdedah kepada metod-metod seperti stretch bands, yoga, aerobics, aquarobic dan teknik somatik.<br><br>*This course enhances the student's physical fitness as a whole. It combines lectures and practical training in building muscle strengths, flexibility and cardiovascular strengths. Students are exposed to methods such as stretch bands, yoga, aerobics, aquarobic and somatic techniques.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2029 | Pendidikan Tari / *Dance Education* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini adalah pengenalan kepada pelbagai topik dan beberapa bidang khusus mengenai pendidikan tari. Pelajar dalam kursus ini akan memahami makna tarian, pendidikan tarian, kemahiran pedagogi, promosi, organisasi dan isu-isu bidang seperti gender, identiti negara, dan multikulturisme. Pada akhirnya pelajar menunjukacara kemahiran pedagogi tarian dalam projek komuniti. | Penilaian Berterusan: 60%; Peperiksaan Akhir: 40%<br><br>*Continuous Assessment: 60%;* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *This course is an introduction to a wide range of topics and some specific fields on dance education. Students in this course will understand the meaning of dance, dance education, pedagogical skills, promotion, organization and issues of the field such as gender, national identity, and multiculturalism. In the end, students demonstrate dance pedagogical skills in community project.* | *Final Examination: 40%* |
| RIX2003 | Metodologi Penyelidikan Seni Persembahan / *Research Methodology for Performing Arts* | 4 | Tiada / *None* | Kursus ini akan membantu pelajar-pelajar membina pengetahuan asas mengenai proses penyelidikan. Setiap pelajar akan belajar cara menulis sorotan literatur dengan menggunakan sumber cetakan dan sumber atas talian (online), menggunakan format untuk citasi sumber, mengenalpasti elemen penting dalam penyediaan kertas cadangan dan seterusnya, menyediakan kertas cadangan.<br><br>*This course will help students to develop basic knowledge in research processes. Each student will learn how to write literature review using print and online sources, employ citation of sources, identify key elements of a research proposal, and eventually, prepare a research proposal.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2016 | Tari Rakyat Melayu II / *Malay Folk Dance II* | 2 | Lulus RIC2002 Tari Rakyat Melayu I / *Passed RIC2002 Malay Folk Dance I* | Kursus ini memperkenalkan tari rakyat dalam kesenian tari Melayu yang menjadi asas kepada genre-genre tari Melayu dan dikoreograf untuk tujuan pementasan. Kursus tahap kedua memperkenalkan struktur tari dan gaya persembahan tarian Joget Melayu dan Zapin Melayu Johor.<br><br>*This course introduces Malay folk dances as part of the arts of Malay dance which becomes the basis to the genres of Malay dance and are choreographed for the purpose of staging. The second level of this course introduces the structure and performance style of Joget Melayu and Zapin Melayu Johor.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2017 | Ensembel KESUMA IV / *KESUMA Ensemble IV* | 1 | Lulus RIC2003 Ensembel KESUMA III / *Passed RIC2003 KESUMA Ensemble III* | Dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan tari rakyat Melayu – Tarian Zapin Johor, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut:<br><br>● Asas pergerakan kaki dalam tarian Zapin Johor dan Zapin Pekajang.<br>● Asas pergerakan tangan dan tubuh dalam tarian Zapin Johor dan Zapin Pekajang. | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | <ul><li>Pergerakan ragam-ragam tarian Zapin Johor dan Zapin Pekajang.</li></ul>Asas pergerakan ragam dengan pola lantai.<br><br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu.<br><br>*In this course, students will be introduced to the basic technique of Malay Folk Dance: Zapin Johor, begin from the basic steps such as:*<ul><li>*Basic movements of the leg in Zapin Johor and Zapin Pekajang.*</li><li>*Basic movements of the hand and body in Zapin Johor and Zapin Pekajang.*</li><li>*Movement phrases of Zapin Johor and Zapin Pekajang.*</li><li>*Basic movements of the phrase with the floor design.*</li></ul>*The assessment will be based on on-going training and mastery or repertoire.* | |
| RIC2018 | Ensembel UMa IV / UMA Ensemble IV | 1 | Lulus RIC2004 Ensembel UMa III / *Passed RIC2004 UMa Ensemble III* | Ini adalah kursus praktikal di mana pelajar berlatih repertoir UMa Dance Company dengan teknik tari tahap asas lanjutan. Penilaian akan berdasarkan kepada latihan berterusan dan penguasaan repertoir tersebut. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menggunakan teknik tari kontemporari tahap asas lanjutan sementara bersedia untuk mempersembahkan koreografi baru yang akan dicipta untuk pementasan UMa Dance Showcase pada tahun semasa.<br><br>*Emphasise advanced foundation dance techniques; this is a practical course where dance students practice the repertoire of UMa Dance Company. The assessment will be based on ongoing training and mastery of the repertoire. In the course, students are required to utilise advanced foundation contemporary dance techniques while preparing to perform a new choreography to be created for that year's UMa Dance Showcase.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC2020 | Seminar Etnologi Tari / *Dance Ethnology Seminar* | 3 | Lulus RIC2005 Pengantar Etnologi Tari / *Passed RIC2005 Introduction to Dance Ethnology* | Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus pengenalan etnologi tari. Pelbagai bacaan dan kajian kes etnologi tari akan dibaca dan dibincangkan di dalam kelas. Perbincangan di dalam bentuk seminar bertujuan untuk mendapatkan kritikan dan ulasan mengenai konsep, teori, dan aplikasi metod penulisan, penyelidikan, dan persembahan di dalam konteks etnologi tari. Setiap kelas akan dipimpin oleh seorang pelajar.<br><br>*This is an extension to the introduction course on dance ethnology. Close readings of various articles and case studies on dance ethnology will be undertaken and discussed in class. Discussions in a form of a seminar is aimed at eliciting critics and reviews about concepts, theories, and applications in the form of writing, research, and performance in the context of dance ethnology. Every class will be led by a student class leader.* | Penilaian Berterusan: 60%; Peperiksaan Akhir: 40%<br><br>*Continuous Assessment: 60%;*<br><br>*Final Examination: 40%* |
| RIC2015 | Kritikan Tari / *Dance Criticism* | 3 | Tiada / *None* | Mengenal pasti dan membangunkan perasaan estetik peribadi melalui tontonan karya tari langsung, perbincangan kumpulan, refleksi peribadi dan penulisan. Meneroka tema dan topik utama dalam kritikan tari melalui pemeriksaan sejarah dan perkembangannya. Memahami konteks etika, tujuan dan tanggungjawab kritikan tarian kepada masyarakat tari. Menjadi akrab dengan tokoh, institusi, dan tempat yang terkenal dalam masyarakat tari Malaysia kini, sebagai ahli penonton. Belajar dan menerapkan kaedah dan pendekatan yang berbeza untuk menulis ulasan tarian dengan tumpuan kepada keseimbangan penerangan, tafsiran dan analisis.<br><br>*Identifying and developing a personal aesthetic sense, through viewing of live dance works, group discussions, private reflection and writing. Exploring major themes and topics in dance criticism, through the examination of its history and development. Understanding the ethical context, purpose and responsibility of dance criticism to the dance community. Becoming familiar with prominent figures, institutions and venues in the current Malaysian dance community, as a member of the audience. Learning and applying different methods and approaches for writing dance reviews, with a focus on balancing description, interpretation and analysis.* | Penilaian Berterusan: 60%; Peperiksaan Akhir: 40%<br><br>*Continuous Assessment: 60%;*<br><br>*Final Examination: 40%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC3001 | Projek Tahun Akhir / *Final Year Project* | 8 | Lulus RIX2003 Metodologi Penyelidikan Seni Persembahan / *Passed RIX2003 Research Methodology for Performing Arts* | Kursus ini menawarkan tiga pilihan untuk projek tahun akhir: trek tesis, koreografi dan persembahan. Di bawah bimbingan penyelia, setiap pelajar akan memilih topik penyelidikan dalam trek yang dipilih. Dalam progresif 1, semua pelajar akan menyediakan abstrak dan menentukan kerangka teori melalui proses penulisan sorotan literatur. Pelajar di bawah trek koreografi dan persembahan pula dikehendaki untuk mempersembahkan karya artistik melalui preview. Dalam progresif 2, pelajar akan menjalankan kerja lapangan. Dapatan data akan dibentangkan dalam bentuk tesis atau dosir. Dosir akan dilengkapi dengan produksi akhir. Tujuan kursus ini adalah untuk memupuk profesionalisme dalam kedua-dua bentuk penyelidikan akademik dan praktikal.<br><br>*This course offers three options of final year projects: thesis, choreography and performance tracks. Under the guidance of a supervisor, each student will select a research topic within the chosen track. In progressive 1, all students will prepare their abstracts and decide their theoretical framework through the process of literature review. For those under choreography and performance track, they are also required to present artistic work through previews. In progressive 2, students will carry out field work. The findings will be presented in the form of a written thesis or dossier. Dossier will be completed with a final production. The purpose of this course is to nurture professionalism in both academic research and practice.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC3003 | Ensembel KESUMA V / *KESUMA Ensemble V* | 1 | Lulus RIC2017 Ensembel KESUMA IV / *Passed RIC2017 KESUMA Ensemble IV* | Dalam kursus tersebut, pelajar akan diperkenalkan dengan Tari Rakyat Cina, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut:<br><br>● Asas pergerakan tangan dan kaki<br>● Asas pola lantai<br>● Asas pergerakan dengan prop<br><br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu. | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | In the course, students will be introduced to the Chinese Folk dance, which begins from the basic movements such as:<br>● Basic hand and leg movement<br>● Basic floor pattern<br>● Basic movement with props<br>The assessment will be based on on-going training and mastery of repertoire. | |
| RIC3007 | Pengurusan Produksi dan Pengurusan Pentas / *Production Management and Stage Management* | 4 | Tiada / *None* | Kursus ini bertujuan menyediakan asas dalam pengurusan produksi dan pentas, seperti perancangan pengurusan, proses teknikal dan artistik sehingga persembahan umum. Kursus ini merangkumi pembelajaran pengurusan (logistik, kewangan, promosi dan publisiti), teknologi digital dalam teater (set, prop, tata cahaya dan bunyi), pengurusan masa, sumber-sumber dan pengurusan persembahan.<br>*The course aims to prepare the basics of production and stage management, such as managerial planning and technical and artistic processes, until public presentation. This course comprises management (logistics, financing, promotion and publicity), digital technology in theatre (sets, props, lighting and sound), time management, sources and performance management.* | Penilaian Berterusan: 100%<br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC3008 | Ensembel UMa V / *UMa Ensemble V* | 1 | Lulus RIC2018 Ensembel UMa IV / *Passed RIC2018 UMa Ensemble IV* | Ini adalah kursus praktikal di mana pelajar berlatih repertoir UMa Dance Company dengan teknik tari tahap profesional. Penilaian akan berdasarkan kepada latihan berterusan dan penguasaan repertoir tersebut. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menggunakan teknik tari kontemporari dalam tahap lanjutan sementara bersedia untuk mempersembahkan koreografi baru yang akan dicipta untuk pementasan UMa Dance Showcase pada tahun semasa.<br>*Emphasising professional dance techniques, this is a practical course where dance students practice the repertoire of UMa Dance Company. The assessment will be based on ongoing training and mastery of the repertoire. In the course, students are required to utilise advanced level contemporary dance techniques while preparing to* | Penilaian Berterusan: 100%<br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *perform a new choreography to be created for that year's UMa Dance Showcase.* | |
| RIC3006 | Ensembel KESUMA VI / *KESUMA Ensemble VI* | 1 | Lulus RIC3003 Ensembel KESUMA V / *Passed RIC3003 KESUMA Ensemble V* | Dalam kursus tersebut, pelajar akan diperkenalkan dengan Tari Etnik Sabah dan Sarawak, bermula daripada asas-asas pergerakan seperti berikut:<br>● Asas pergerakan tangan dan kaki<br>● Asas pola lantai<br>Penilaian berdasarkan kepada latihan semasa dan penguasaan repertoir tertentu.<br>*In the course, students will be introduced to the Sabah and Sarawak ethnic dances, which begins from the basic movements such as:*<br>● *Basic hand and leg movement*<br>● *Basic floor pattern*<br>*The assessment will be based on on-going training and mastery of repertoire.* | Penilaian Berterusan: 100%<br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC3010 | Tari untuk Kanak-Kanak / *Dance for Children* | 3 | Tiada / *None* | Berdasarkan konsep Ann Green Gilbert mengenai "Brain-Compatible Dance Education", pelajar meneroka hubungan dengan penyelidikan otak dan prinsip-prinsip pembangunan kanak-kanak. Melalui pembacaan, tugasan, dan praktikal, para pelajar belajar untuk membangunkan dan menyampaikan lesson plan tari kepada kanak-kanak.<br>*Based on Ann Green Gilbert's concept of "Brain-Compatible Dance Education", students explore the connections between brain research and child development principles. Through reading, assignments and practicum, students learn to develop and present dance lesson plans to children.* | Penilaian Berterusan: 60%; Peperiksaan Akhir: 40%<br>*Continuous Assessment: 60%;*<br>*Final Examination: 40%* |
| RIC3009 | Latihan Industri / *Industrial Training* | 4 | Tiada / *None* | Latihan industri membolehkan pelajar untuk memperoleh pengalaman dalam persekitaran kerja. Pelajar dikehendaki memilih salah satu daripada aktiviti-aktiviti berikut:<br>● Penempatan bersama Kumpulan Profesional<br>● Penempatan sebagai Penari Profesional | Penilaian Berterusan: 100% |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ● Pembantu Pengarah/Koreografer/Dance Master<br>● Pentadbiran Seni<br>● Pengurusan Produksi<br>● Pengurusan Pentas<br>● Pendidikan Tari<br><br>*Industrial training enables the student to experience the working environment. Therefore, students are required to select one of the activities as follows:*<br><br>● *Attachment to a Professional Group*<br>● *Attachment as a Professional Dancer*<br>● *Assistant Producer/Choreographer/*<br>● *Dance Master*<br>● *Arts Administration*<br>● *Production Management*<br>● *Stage Management*<br>● *Dance Education* | *Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2009 | Muzik Tari I / *Dance Music I* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan elemen muzik dalam gerak tari melalui pendedahan kepada teori muzik, gaya muzik dan penciptaan gerak. Pelajar diberi kefahaman tentang elemen-elemen masa, bunyi, body percussion dan era muzik.<br><br>*This course introduces the elements of musicality in dance movement through exposure to music theory, musical styles, and movement creation. Students are made to understand the elements of time, sound, body percussion and musical periods.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2012 | Tari Klasik India - Bharata Natyam/ *Indian Classical Dance - Bharata Natyam* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini membina kefahaman mengenai tarian klasik India, Bharata Natyam. Sejarah dan estetika tarian ini akan dibincangkan di dalam kelas. Untuk meningkatkan penghayatan terhadap tarian ini, bacaan berserta dengan tontonan video dan persembahan digalakkan. Pelajar juga akan mempelajari gerak-gerak asas yang dikenali sebagai adavu bersama dengan sebutan ritma masing-masing. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dinilai melalui persembahan gerak-gerak adavu yang terpilih.<br><br>*This course builds understanding about the Indian classical dance form, Bharata Natyam. History and the aesthetics of this dance will be discussed in classes. To enhance the appreciation towards this dance form,* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *students will be assigned readings and encouraged to watch videos and live performances. Students will learn the basic dance movements known as adavus with the accompanying rhythmic syllables. At the end of this course, students will be evaluated based on their performance of chosen adavus.* | |
| RIC2013 | Teknik Tari IV / *Dance Technique IV* | 3 | Lulus RIC2025 Teknik Tari III / *Passed RIC2025 Dance Technique III* | Kursus ini melatih pelajar kepada frasa-frasa gerak yang kompleks dengan kesedaran terhadap hubungan badan dengan minda, emosi dan tenaga. Para pelajar digalakkan untuk meningkatkan kemampuan teknikal, kinestetik, intelektual dan kreatif dalam gerakan.<br><br>*This course trains student's complex movement phrases with an awareness of the body connection with mind, emotion and energy. Students are encouraged to develop their technical, kinaesthetic, intellectual and creative capacities in movement.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2014 | Teknik Jazz I / *Jazz Technique I* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memperkenalkan teknik asas tari Jazz termasuk Jazz walk dan weight shift, isolations, stretches dan kombinasi tari. Kombinasi-kombinasi ini direka untuk mencabar dan meningkatkan pengetahuan pelajar-pelajar dalam pelbagai gaya tari Jazz.<br><br>*This course introduces basic Jazz dance technique including Jazz walks and weight shifts, isolations, stretches, and dance combinations. Combinations are designed to challenge and enhance the students' knowledge of the various styles of Jazz dance.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2021 | Tari Melayu Nusantara / *Malay Dance of Nusantara* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini direka untuk memperkenalkan genre dan repertoir tarian Melayu Nusantara seperti Tari Rantak, Tari Serampang Dua Belas, Tari Piring, Tari Saman, Tari Legong dan pelbagai lagi. Tarian-tarian ini merupakan tarian rakyat dan klasik popular yang berasal dari tradisi Indonesia. Pada akhir semester pelajar akan mempersembahkan dua buah tarian Melayu Nusantara terpilih.<br><br>*The course is designed to introduce the genre and repertoire of the Malay Nusantara dance such as Tari Rantak, Tari Serampang Dua Belas, Tari Piring, Tari Saman, Tari Legong, etc. These are popular folk and* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | *classical dances from the Indonesia tradition. By the end of semester, students will perform two of the selected Malay Dance of Nusantara.* | |
| RIC2022 | Tai Chi / *Tai Chi* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini berdasarkan pergerakan falsafah Tai Chi yang mengandungi teknik pernafasan dan motif pergerakan. Konsep-konsep pergerakan adalah berhubung dengan Yin-Yang dan meditasi Tai Chi. Pelajar-pelajar akan belajar pelbagai elemen seperti:<br><br>1. Empat konsep asas Tai Chi: relax, rooting, centering dan equilibrium.<br>2. Empat kualiti pergerakan Tai Chi: softness, mindfulness, continuity, dan wholesomeness.<br>3. Alignment dengan pernafasan dan intensi.<br><br>*This course is based on the movement philosophy of Tai Chi which consists of breathing techniques and movement motifs. The movement concepts are connected with Ying-Yang and Tai-Chi meditation. Students will learn various elements such as:*<br><br>*1. Four basic Tai Chi concepts: relax, rooting, centering, and equilibrium.*<br>*2. Four qualities of Tai Chi: softness, mindfulness, continuity, and wholesomeness.*<br>*3. Alignments with breathing and intention.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2023 | Muzik Tari II / *Dance Music II* | 3 | Lulus RIC2009 Muzik Tari I / *Passed RIC2009 Dance Music I* | Kursus ini mengukuhkan teori muzik yang melibatkan pengetahun terhadap komposisi Muzik. Penekanan diberikan kepada pemahaman: dinamik, durasi dan timing, ritma, pitch, skala dan melodi, bacaan skor, bentuk dan komposisi, motif gerk, variasi gerak, tema dan konsep koreografi.<br><br>*This course strengthens musical theories that involve knowledge of music composition. Emphasis is given to understanding dynamic, duration and timing, rhythm, pitch, scale and melody, score reading, shape and composition, movement motif, movement variation, choreographic theme and concept.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| RIC2024 | Teknik Jazz II / *Jazz Technique II* | 3 | Lulus RIC2014 Teknik Jazz I / *Passed RIC2014 Jazz Technique I* | Kursus ini direka untuk tahap pertengahan. Ia merangkumi teknik tari yang meningkatkan alignment, kekuatan, kelenturan, dan koordinasi di dalam idiom jazz melalui penekanan kepada estetika, gaya, ritma, dan kombinasi tarian yang lebih mencabar.<br><br>*This course is designed for intermediate level. It includes dance techniques that further improve alignment, strength, flexibility, and coordination within the jazz idiom through an emphasis on aesthetics, style, rhythm, and more challenging dance combinations.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2025 | Teknik Tari III / *Dance Technique III* | 3 | Lulus RIC1016 Teknik Tari II / *Passed RIC1016 Dance Technique II* | Dalam Teknik Tari III, pelajar akan diperkenalkan kepada teknik partnering dan body contact. Teknik-teknik tari moden bertumpu kepada frasa-frasa gerak dan kombinasi yang melibatkan pasangan.<br><br>*In Dance Technique III, students will be introduced to techniques of partnering and body contact. Modern techniques focus on movement phrases and combinations involving partners.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2026 | Balet II / *Ballet II* | 3 | Lulus RIC2011 Balet I / *Passed RIC2011 Ballet I* | Kursus peringkat pertengahan ini direka untuk menyediakan pelajar dengan latihan teknik klasik balet dan menekankan pembangunan teknikal dan kombinasi gerak lanjutan. Dalam kursus ini, pelajar akan berusaha dalam meningkatkan kualiti persembahan, muzik, kesenian dan teori estetika.<br><br>*This intermediate-level course provides students with classical ballet technique training and emphasises technical development and extended movement combinations. In addition, students will work on their performance qualities, musicality, artistry, and aesthetic theory in this course.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |
| RIC2027 | Silat Tari / *Silat Tari* | 3 | Tiada / *None* | Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman dalam seni Silat melalui pembelajaran teknik-teknik seperti Kuda-Kuda, Bunga Silat, Buah, Langkah, Tangkisan, Ragam Langkah dan Komposisi Gerak Silat dalam tari. Selepas mempelajari | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ragam-ragam ini, pelajar dikehendaki untuk mempersembahkan beberapa kombinasi Tari Silat.<br><br>*This course allows students to experience the art of Silat through various movement patterns such as Kuda-Kuda, Bunga Silat, Buah, Langkah, Tangkisan, Ragam Langkah, Composition in Dance. Upon learning these patterns, students will be required to perform several combinations of Tari Silat.* | |
| RIC3005 | Koreografi II / *Choreography II* | 3 | Lulus RIC2028 Koreografi I / *Passed RIC2028 Choreography I* | Kursus ini merupakan lanjutan kursus Koreografi I. Melalui pendedahan kepada pelbagai kaedah, prinsip, dan bentuk koreografi, pelajar boleh mengembangkan kemahiran koreografi mereka. Melalui proses koreografi: (latihan pementasan dan ulasan karya tari berkumpulan) pelajar akan dapat mengembangkan kebolehan estetika dan kreatif dalam koreografi.<br><br>*This course provides further training after Choreography I. Through exposure to various types of choreographic devices, principles and forms, students will be able to expand their choreographic skills. Through the process of choreography (rehearsing, staging and reviewing a group dance) students will develop aesthetic and creative ability in choreography.* | Penilaian Berterusan: 100%<br><br>*Continuous Assessment: 100%* |